

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan apakah status dan perkembangan Skim Tanam Baharu Sawit pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Sekiranya masih ada, apakah peruntukan yang diluluskan bagi Sarawak pada tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengambil kira kedudukan kewangan sedia ada yang terhad untuk tujuan penanaman baharu sawit, jumlah peruntukan yang diterima pada tahun ini bagi Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) adalah hanya untuk pelaksanaan bagi pemohon-pemohon yang telah diberi kelulusan sebelum ini.

Walau bagaimanapun, bagi Negeri Sarawak, sehingga 31 Mei 2019, permohonan bagi 9,534 hektar melibatkan 4,765 pekebun kecil telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 6,395 hektar telah dilaksanakan oleh pekebun kecil yang terlibat. Sejak skim ini dilaksanakan pada RMke-11, sebanyak RM50 juta telah diperuntukan untuk skim TBSPK ini dan lebih daripada 60% adalah dilaksanakan untuk pekebun kecil dari Negeri Sarawak.

Sementara itu, bagi bantuan tanam semula sawit, Kementerian akan memperkenalkan skim baharu yang dikenali sebagai Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) pada kadar faedah 2% setahun dengan peruntukan sebanyak RM500 juta yang akan diumumkan dalam masa terdekat. Skim pinjaman tersebut adalah untuk membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil persendirian bagi melaksanakan penanaman semula sawit dan membantu memperoleh input pertanian dalam kerja penyelenggaraan kebun sawit.

Sekian, terima kasih.